

▼22/03/00-20MST

CNS0200

R GB 21-03 00140 BC721

bah

Mahathir - Agama

SIKAP TOLERANSI PENTING BAGI KEHARMONIAN KAUM

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Sikap toleransi merupakan faktor penting bagi mengekalkan keharmonian kaum di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata jika penganut pelbagai agama di negara ini tidak bersikap toleransi, ia boleh mengakibatkan pergaduhan seperti yang berlaku di sesetengah negara.

Sikap ini hendaklah dikekalkan bagi memastikan keamanan berterusan, katanya ketika berucap pada majlis ulang tahun ke-10 Majlis Perundingan Malaysia bagi agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh di sini.

Beliau berkata, jika terdapat ketidakpuasan tentang sesuatu perkara, ia hendaklah diselesaikan di meja rundingan dan bukannya dengan cara keganasan atau menunjuk perasaan.

Kerajaan sedia mengkaji apa sahaja pandangan yang dikemukakan dan menyelesaikan masalah yang timbul, kata beliau. -- Lagi

▼21/03/23-59MST

CNS0202

R GB 22-03 00076 BC722

bah

Mahathir - Agama 2 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, ada sesetengah pemimpin negara luar yang bersikap "moderate" tetapi tidak dapat mempraktikkannya kerana tekanan daripada pengikut-pengikutnya.

"Pemimpin-pemimpin ini ingin melihat perdamaian wujud tetapi tekanan daripada kalangan ekstremis menyebabkan keamanan tidak dapat diwujudkan," katanya.

Tetapi di Malaysia, perkara ini tidak berlaku dan sikap toleransi yang ada hendaklah dikekalkan demi membangunkan negara. -- Bernama

ROT FAZ

▼22/03/00-01MST